



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	BAHASA KEBANGSAAN (A)
KOD KURSUS	:	MPU 2043 / MPW 1113
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
 2. Jawab **SATU(1)** soalan dari BAHAGIAN A dan jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN B.
 3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHUI

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A [50 MARKAH]

Jawab **SATU(1)** soalan sahaja. Panjang karangan anda adalah **TIDAK KURANG** daripada **300** patah perkataan.

SOALAN 1

Tema sambutan kemerdekaan pada tahun ini ialah "Sehati Sejiwa". Majlis Perwakilan Pelajar kolej anda akan mengadakan Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat kolej. Anda ditugaskan untuk menyediakan teks ucapan alu-aluan Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar kolej anda. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Encik Shahrim bin Adon, Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Tuan Haji Abdul Razak Saad Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, Encik Shaiful Huzaini bin Damanhuri, Ketua Eksekutif, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Puan Haslinda binti Abu Bakar, Timbalan Pengarah Akademik, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, ketua-ketua sekolah dan para pensyarah. Teks ucapan anda perlu mengandungi salutasi, huraian tema, harapan dan penutup.

Tulis teks **ucapan** tersebut selengkapnya.

SOALAN 2

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya. Namun demikian masih wujud masalah perpaduan antara kaum yang jika dibiarkan boleh mencetuskan isu perkauman pada masa depan. Tulis sebuah **rencana** untuk dimuatkan dalam sebuah akhbar tempatan untuk menyuarakan pendapat anda tentang isu ini dan bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan masyarakat Malaysia dapat hidup serumpun dan bersatu padu.

(50 Markah)

BAHAGIAN B [50 MARKAH]

Jawab **SEMUA** soalan.

SOALAN 1

Anda dikehendaki mengenal pasti jenis-jenis ayat di bawah dan tuliskan jawapan pada ruangan yang diberi. (10 Markah)

	Contoh Ayat	Jenis Ayat
1	Halimah tidur?	
2.	Ganesan emberitahu bahawa dia tidak dapat hadir kuliah pada petang ini.	
3.	Adoi, sakitnya perut aku!	
4.	Suria menangis tersedu-sedu di tepi tangga.	
5.	Gadis yang sedang menangis itu ialah Ah Moi.	
6.	Dia memotong daging menggunakan sebilah parang.	
7.	Goh dan Raju pelajar Kolej Yayasan Pelajaran Johor.	
8.	Salwana dan ibunya balik ke kampung kerana menziarahi bapa saudaranya yang sakit tenat.	
9.	Dia seorang guru.	
10.	Malawi didenda oleh guru disiplin petang semalam.	

SOALAN 2

Baca petikan di bawah. Salin semula **sepuluh (10) ayat** yang mengandungi kesalahan ejaan. Tuliskan ejaan yang betul dan gariskan jawapan anda.

(10 Markah)

Pendidikan awal kanak kanak merujuk pendidikan seawal tiga hingga lima tahun. Menurut Pertubuhan Kebangsaan bagi Pendidikan Kanak-kanak Muda (NAEYC), pendidikan awal kanak-kanak meliputi segala program pendidikan yang memberikan layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak dari lahir hingga umur lapan tahun.

Pendidikan di Malaysia pula dijalankan secara formal oleh kerajaan pada tahun 1970 dengan penubuhan KEMAS. KEMAS membuka Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) selaras dengan Falsafah Baharu Pembangunan Luar Bandar. Program ini memberikan perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar, bandar dan pinggir bandar bagi golongan berpendapatan rendah dan miskin. Pelbagai agensi kerajaan turut terlibat untuk menjayakan pendidikan awal kanak-kanak, seperti Kementerian Pelajaran yang berusaha memastikan semua kanak-kanak yang masuk ke darjah satu mendapatkannya.

Perlaksanaan pekeliling mewajibkan kanak-kanak mendapat pendidikan awal dilaksanakan sejak tahun 2001. Keadaan ini tidak membawa banyak perubahan khususnya dikawasan bandar. Penghijrahan penduduk dari kawasan desa ke bandar menyebabkan ibu bapa yang kurang mampu tidak menghantar anak mereka ke TASKA. Tambahan pula, mereka mempunyai masalah kewangan dan masa. Oleh itu, pendidikan awal kanak-kanak ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah ini.

Sistem pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi pemain dunia dengan ciri peribadi unggul, inovatif, produktif,

berkemahiran, berdaya saing dan creative bagi menangani cabaran negara dan arus dunia tanpa sempadan ini. Sistem pendidikan membolehkan pelajar yang dilahirkan berkualiti dan sekali gus memenuhi kehendak pasaran kerja.

Bukan mudah untuk membina sesuatu dalam masa yang singkat tanpa melibatkan kos yang tinggi. Hal ini disebabkan bahawa membina generasi graduan holistik, keusahawanan dan seimbang memerlukan kos, tenaga dan sokongan. Untuk melakukan usaha murni ini memerlukan pendidikan terhadap setiap anak bangsa bermula dari peringkat awal yang meliputi kawasan pendalamatan mahupun bandar.

SOALAN 3

Pisahkan ayat-ayat berikut sehingga menjadi **sepuluh (10) ayat** tunggal sahaja.

(10 Markah)

Makyung ialah seni persembahan pentas yang mengandungi lakonan, nyanyian dan tarian yang diiringi secara langsung oleh puak rebab. Ada adab dan adat tertentu yang perlu dipatuhi. Makyung ialah khazanah tamadun Melayu yang tidak ternilai harganya dan wujud sejak zaman kegemilangan kerajaan Melayu Patani.

(Disesuaikan daripada rencana “*Minyak Petronas Menggerakkan Warisan Bangsa*”, Dewan Budaya, Julai 2015)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan yang berikutnya:

Amalan kesantunan berbahasa merupakan aspek penting bagi menghasilkan komunikasi yang menarik, indah dan bersopan. Penekanan terhadap aspek ini telah mendorong banyak kajian dilakukan berkaitan dengannya. Sebenarnya terdapat hubungan antara bahasa dengan kesopanan. Hakikat ini terlihat dengan adanya budi bahasa. Hubungan bahasa dengan kesopanan dalam budaya tidak terbatas hanya pada kesamaan etimologi antara kedua-duanya tetapi juga membabitkan struktur bahasa itu sendiri.

Kesantunan berbahasa boleh dikaitkan dengan kehalusan budi bahasa dan budi pekerti. Bangsa bertamadun akan memperlihatkan ketamadunan dalam bahasanya. Bahasa dan tamadun ini pula berkait dengan sejarah. Sejarah silam memperlihatkan bangsa yang runtuh akhlaknya turut runtuh bahasanya. Pengetahuan tentang sosio budaya juga ada tautannya dengan amalan kesantunan berbahasa kerana setiap bangsa dan budaya mempunyai cara tersendiri dalam menyatakan bentuk kesantunan berbahasa masing-masing. Kesantunan berbahasa berkaitan dengan sosio budaya sesuatu bangsa. Berlakunya perlanggaran kesantunan berbahasa oleh kaum yang berlainan disebabkan kurangnya pemahaman tentang sosio budaya kaum tersebut.

Kesantunan berbahasa ialah perilaku berbahasa yang sopan dan merujuk kepada penggunaan bahasa yang tertib dan halus. Bahasa yang digunakan mengandungi nilai-nilai hormat, kerendahan hati dan berintegriti. Sebaliknya bahasa yang kasar ialah bahasa yang kesat, menyakitkan hati atau membuat orang lain berasa malu. Bahasa yang sopan penting kerana ia meletakkan nilai komunikasi tidak hanya pada zahir. Pernyataan maklumat atau mesej yang disampaikan dengan cara yang sopan dan berbudi bahasa akan mewujudkan komunikasi yang menarik dan berkesan.

Bahasa adalah pemangkin kepada kemajuan bangsa dan tamadun. Aspek kesantunan berbahasa mempunyai kaitan dengan kemajuan sesebuah tamadun bangsa. Oleh sebab itu, aspek ini sangat penting dan sewajarnya diberi perhatian walaupun kemajuan sains dan teknologi sudah menguasai setiap sudut kehidupan manusia.

(Disesuaikan daripada rencana “*Perlunya Pendidikan Amalan Kesantunan Berbahasa*”, Dewan Bahasa, Julai 2015)

- i. Berdasarkan petikan berikan maksud kesantunan berbahasa.
(2 Markah)
- ii. Mengapakah kesantunan berbahasa penting dalam kehidupan seharian?
(4 Markah)
- iii. Andaikan anda dilantik sebagai Pengurus Kelab Kesantunan di kolej anda, kenal pasti empat nilai yang perlu dihayati oleh generasi muda dalam mengekalsuburkan budaya kesantunan ini.
(4 Markah)

SOALAN 5

Tukarkan ayat **aktif** yang berikut kepada ayat **pasif**.

(10 Markah)

- i. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur telah menganjurkan Bengkel Penulisan Cereka (novel dan cerpen) pada 22 April hingga 23 April 2015.
- ii. Pelbagai situasi mempengaruhi pengkaryaan penulis muda dalam ruang kemodenan sekarang.
- iii. Penulis muda perlulah turut sama mengajak pembaca untuk menghargai dan menjaga alam sekitar supaya kekal lestari.
- iv. Ibu bapa akan mengajar kita rupa bentuk bulan, matahari, pokok, haiwan, awan, udara dan pelbagai lagi perkara baharu.
- v. Atas nama pembangunan dan kemodenan, terpaksa kita mengorbankan keaslian alam sekitar.
- vi. Beberapa tahun yang lalu, seorang pelukis terkenal tanah air telah menghasilkan lukisan figura yang agak provokatif.
- vii. Beberapa orang pegawai polis telah menyambut kami di pintu keluar kereta api apabila gerabak kami tiba di Murmansk, Moscow.
- viii. Setiap budaya memiliki nilai dan peraturan yang tersendiri.
- ix. Saya menjekakkan kaki ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia selepas mengambil kira nasihat ayah dan pada masa yang sama permohonan saya ke universiti yang lain ditolak.
- x. Rakyat Malaysia menghabiskan semakin banyak masa melayari internet berbanding dengan media lain, seperti televisyen, radio dan surat khabar.

KERTAS SOALAN TAMAT

